

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN V.SIVAKUMAR [BATU GAJAH]
TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan V.Sivakumar [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah orang Hindu yang memeluk agama Islam pada tahun 2011,2012,2013,2014 dan 2015. Nyatakan secara terperinci sebab mereka memeluk agama Islam dengan memberi fakta berlandaskan perangkaan.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran masuk Islam adalah di bawah bidang kuasa Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) masing-masing sebagaimana bidang kuasa yang termaktub dalam Butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, maklumat mengenai jumlah orang yang memeluk Islam hendaklah dirujuk kepada JAIN/MAIN.

Sekian, terima kasih.